



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## KEMUKAKAN BORANG B DALAM TEMPQH DIBENARKAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memberikan peringatan kepada semua pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan daripada perniagaan agar mengemukakan **Borang B Tahun Taksiran 2016** dalam tempoh yang dibenarkan bagi mengelakkan penalti lewat hantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dikenakan terhadap mereka.

Menurut subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967, kegagalan mengemukakan BNCP dalam tempoh yang dibenarkan merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan penalti sehingga tiga kali ganda daripada amaun cukai yang ditaksirkan.

Sebagai rujukan, tarikh akhir mengemukakan Borang B Tahun Taksiran 2016 menurut subseksyen 77(1)(a) ialah pada 30 Jun 2017. Namun demikian, bagi memberikan kemudahan kepada pembayar cukai, LHDNM telah memberikan tambahan masa sehingga 15 Julai 2017 untuk mereka kemukakan borang tersebut melalui kaedah e-Filing. Ini bermakna mereka mempunyai kira-kira lima hari sahaja lagi untuk mengemukakan Borang B dan seterusnya menjelaskan semua bayaran cukai

pendapatan Tahun Taksiran 2016 yang dikenakan.

Sehingga 30 Jun 2017, LHDNM telah menerima sebanyak 336,382 Borang B Tahun Taksiran 2016 berbanding hanya 334,572 Borang B Tahun Taksiran 2015 dalam tempoh yang sama (30 Jun 2016). Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.54 %. Statistik penerimaan Borang B bagi Tahun Taksiran 2015 dan Tahun Taksiran 2016 untuk tempoh sehingga 30 Jun adalah seperti berikut:

	Tahun Taksiran 2015	Tahun Taksiran 2016	Meningkat / Menurun (%)
<b>Borang B (Kertas)</b>	32,642	22,789	Penurunan 30%
<b>Borang B (e-Filing)</b>	301,930	313,593	Meningkat 3.86%
<b>Jumlah Borang B diterima</b>	334,572	336,382	Meningkat 0.54%

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 11 Julai 2017**